

04 FEB 1998

Mahathir-Petronas

MALAYSIA SETUJU SEKIRANYA SEKATAN DIKENAKAN KEPADA SEMUA PIHAK

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak akan membantah terhadap sekatan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas Petronas kerana pelaburannya di Iran sekiranya sekatan itu dikenakan kepada semua pihak yang terlibat dalam projek usaha sama itu.

"Sekiranya sekatan itu dikenakan sama rata kepada semua pihak, kita tidak akan membantah," katanya pada satu sidang media di sini sebagai mengulas laporan mengenai keputusan Amerika untuk mengenakan sekatan terhadap Petronas kerana menjalankan usaha sama projek mencari gali gas di Iran.

Laporan dari Washington semalam berkata kerajaan Amerika akan memutuskan selain Petronas, dua lagi syarikat petroleum asing -- Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia -- yang mengikat perjanjian usaha sama bernilai AS\$2 bilion untuk mencari gali gas di Iran boleh dikenakan sekatan di bawah Akta Sekatan Iran-Libya.

Laporan itu bagaimanapun berkata ketiga-tiga syarikat berkenaan akan diberi tempoh selama 90 hari untuk meminda atau membatalkan kontrak berkenaan.

Penangguhan kedua selama 90 hari dijangka akan diluluskan bagi memberi masa selama 180 hari kepada gara-negara berkenaan mengambil tindakan tertentu dan berkesan untuk mematuhi undang-undang tersebut.

Selepas tempoh itu, Presiden Bill Clinton masih boleh menangguhkan pelaksanaan sekatan itu terhadap Perancis, Russia dan Malaysia jika pilihan tersebut dirasakan penting bagi Amerika atau sekiranya ketiga-tiga negara berkenaan setuju mengambil langkah-langkah mencegah keganasan di Iran.

Di bawah Akta Sekatan Iran-Libya yang dikemukakan oleh Senator Alfonse d'Amato dan diluluskan oleh Kongres pada 1996 itu, kerajaan Amerika boleh mengenakan sekatan terhadap mana-mana syarikat asing yang melabur lebih AS\$20 juta setahun dalam industri tenaga di Iran atau lebih AS\$40 juta di Libya.

Undang-undang itu bertujuan menghalang Iran dan Libya daripada mendapat mata wang asing yang boleh digunakan untuk membeli senjata berbahaya.

Kerajaan Amerika pada 20 Nov lalu menghantar timbalan penolong setiausaha negara bagi Sekatan Tenaga dan Komoditi William Ramsey ke Malaysia untuk menyiasat pelaburan Petronas itu.

Ramsey, bagaimanapun, mendakwa misinya hanya untuk menerangkan latarbelakang Akta Sekatan Iran-Libya itu dan tujuannya diadakan.

--BERNAMA

ARA oba